

KERATAN AKHBAR

| | | | |
|-------------|-----------------|------------|------|
| AKHBAR | : BERITA HARIAN | | |
| TARIKH | : 20/10/2019 | MUKA SURAT | : 53 |
| JABATAN | : JPS | | |
| KLASIFIKASI | : PERHATIAN | | |

Tanah mendap, banjir di kawasan PKNS Jalan Tun Razak

DBKL, JPS saling tuding jari

**Penduduk mula
rungsing,
sudah 19 hari
tiada pihak
berkaitan
baik jalan**

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dua pihak berkuasa diadakwa saling menuding jari berhubung pihak sepatutnya membaiki jalan susulan tanah mendap dan banjir di kawasan Rumah Pangsa Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) Jalan Tun Razak, Kampung Baru, di sini, pada Khamis dan 1 Oktober lalu.

Dua pihak berkenaan ialah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Peniaga, Nor Izzati Afandi, 30, berkata perjumpaan beberapa wakil DBKL dan JPS bersama penduduk semalam dan kelmarin, hanya berkisar mengenai mengenai bebrapa punca kejadian itu, termasuk sistem perparitan yang tidak cekap di kawasan pembangunan berdekatan.

Katanya, isu kerosakan jalan yang mengancam keselamatan penduduk, terutama kanak-kanak langsung tidak dikhargitikan.

"Wakil pihak berkuasa itu meninjau dan melawat kawasan ini dan hanya fokus mengenai punca insiden itu.

"Bila ditanya kepada pegawai DBKL mengenai situasi kerosakan jalan, mereka tuding jari kepada wakil JPS. Bila disoal kepada mereka (JPS) dituding kembali kepada pihak DBKL.

"Penduduk di sini makin runting. Jalan sudah mula rosak dan berhubung sejak kejadian 1 Oktober lalu. Sudah 19 hari tiada pihak berkaitan baik jalan terbabit. Jangan bila ada kemalangan dan insiden itu tular di me-



Bila ditanya kepada pegawai DBKL situasi kerosakan jalan, mereka tuding jari kepada wakil JPS.

Bila disoal kepada mereka (JPS) dituding kembali kepada DBKL.

Nor Izzati Afandi,
Peniaga

dia sosial, baru ada pihak yang ambil serius perkara ini," katanya ketika ditemui BH di pekாரangan rumah pangsa berkenaan, semalam.

Peniaga, Mohd Jalani Md Nor, 60, pula berkata setiap penghuni dan peniaga di kawasan rumah pangsa wajar mendapat bantuan secara sama rata demi kelangsungan hidup.

"Semalam (kelmarin), beberapa pegawai wakil rakyat (Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Riha Harun) ada datang ke sini dan menghulurkan bantuan. Barang keperluan asas seperti beras dan minyak masak kepada penghuni rumah.

"Bagaimanapun, pemilik kedai atau warung yang musnah akibat banjir dan tanah mendap tidak mendapat sebarang bantuan atau pampasan. Kami sebagai peniaga juga perlu mencari rezeki untuk kelangsungan hidup," katanya.

Kakitangan swasta, Nadia Marzuki, 47, berkata keluarannya mengalami kerugian ribuan ringgit selepas kabinet dapur, mesin ba-

sun dan perabotnya rosak akibat kejadian itu.

"Selepas insiden 1 Oktober itu, wakil rakyat (Rina) ada hulurkan sumbangan RM300 kepada setiap penghuni rumah. Namun kali ini, bantuan ditukarkan kepada ben-tuk barang asas.

"Bukan tidak bersyukur, tetapi kami sekeluarga sudah kerugian ribuan ringgit. Sepatutnya mereka memikirirkan pampasan yang lebih setimpal untuk diberikan kepada mangsa di sini," katanya.

Seramai 62 penghuni dilaporkan terpaksa dipindahkan, awal pagi kelmarin, sebagai langkah keselamatan selepas hujan lebat dan kejadian tanah mendap di kawasan berkenaan.

Mangsa membatikan 15 ke-luarga itu ditempatkan secara sementara di Dewan Serba Guna Jalan Hamzah, di sini.

Kejadian itu turut berlaku di kawasan sama pada 1 Oktober lalu yang merosakkan harta benda seperti kenderaan dan perabot me-ngakibatkan kerugian ribuan ringgit.